

Tangani kes remaja lari rumah

WALAUPUN drama 'penkulikan' gadis sunti Nur Amira Atirah Abdul Majid berakhir secara anti klimaks apabila tembelang gadis yang dipercayai mempunyai masalah pembelajaran itu terbongkar selepas dia akhirnya ditemukan dalam keadaan selamat bersama teman lelakinya namun kes ini wajar membuka mata kita semua betapa seriusnya gejala remaja lari dari rumah. Ternyata ini bukan kes pertama direkodkan membabitkan kejadian remaja lari dari rumah apatah lagi yang berani mencipta kejadian culik dirinya sendiri.

Statistik pihak polis pada 2015 sahaja menunjukkan sebanyak 2,540 remaja lari dari rumah bersama teman lelaki, 1,857 terpengaruh dengan rakan sebaya, 1,592 pula lari dari rumah kerana ada masalah keluarga manakala 1,371 pula lari kerana mahukan kebebasan. Dan lebih menyedihkan apabila statistik juga mendedahkan betapa daripada jumlah tersebut, remaja Melayu paling ramai lari dari rumah berbanding bangsa lain.

Berdasarkan Pangkalan Data Statistik Kanak-kanak Hilang Bahaw 18 tahun, Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejak 2011 hingga November lepas, bilangan kanak-kanak Melayu hilang mencatatkan jumlah tertinggi dengan 6,713 kes atau melebihi 60 peratus diikuti lain-lain (1,378), India (1,059) dan Cina (641). Apakah statistik ini masih belum mampu membuat kita rasa gerun, takut dan perlu bimbangkan masa depan anak-anak kita?

Bagi kes Nur Amira Atirah ini, kita berharap agar pihak berkusa akan mengambil tindakan sewajarnya terutamanya membabitkan dakwaan palsu kerana ini bukan kali pertama kes dakwaan palsu seperti ini berlaku, justeru kita mahu plot dan perancangan nakal seperti iri dihentikan segera dan tidak merebak kepada remaja lain.

Pun begitu diharapkan apapun hukumannya kelak biarlah atas prinsip mahu jadikan sebagai pengajaran kepada yang lain serta boleh memberi ruang kepada gadis ini untuk membetulkan kesilapannya. Gadis ini perlu diberi peluang



NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

untuk membina semula hidupnya.

Apapun sebagai anggota masyarakat kerisauan kita adalah pada statistik kes remaja lari dari rumah dan hilang yang semakin membimbangkan. Sewajarnya kita perlu melakukan sesuatu supaya dapat atasi dan tangani kes seperti ini dengan segera. Dalam hal ini dua aspek perlu diberi perhatian iaitu pertama, perlu kaji punca-punca yang menyumbang kepada kejadian remaja lari dari rumah dan kedua, perlu menilai semula peranan semua pihak yang terbabit sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung seperti ibu bapa, pihak sekolah, pihak berkusa serta anggota masyarakat secara keseluruhannya.

Alasan yang sering berlaku apabila remaja lari dari rumah adalah cukup klise iaitu mereka mahukan kebebasan, ikut teman lelaki, terpengaruh dengan rakan serta ada masalah keluarga dan kurang bermimat untuk meneruskan pelajaran.

Secara umumnya kita sudah ketahui faktor yang mendorong mahupun punca penyebab remaja lari dari rumah. Data dan statistik sedia ada sudah cukup untuk membuktikan betapa inilah antara faktor utama yang menyumbang kepada masalah sosial seperti ini. Maka apa yang perlu kita fikirkan sekarang ialah apa yang kita boleh buat untuk membetulkannya sekali gus mencegah dari terus berlaku.

Dalam konteks ini, ibu bapa tetap menjadi individu yang paling penting kerana mereka lah yang paling dekat dengan anak-anak justeru perlu memikul tanggungjawab sewajarnya. Apakah trend statistik remaja lari dari rumah membuktikan betapa ibu bapa semakin cuai dan leka dalam menjalankan tanggungjawab mereka?

Sepatutnya tidak timbul soal anak mahukan kebebasan, terpengaruh dengan rakan serta ikut te-



Sepatutnya tidak timbul soal anak mahukan kebebasan, terpengaruh dengan rakan serta ikut teman lelaki andai kita sebagai ibu bapa dan penjaga sentiasa mendampingi anak-anak, memantau setiap aktiviti dan gerak geri mereka, tahu mereka berkawan dengan siapa serta paling penting apa yang anak mereka mahukan.

man lelaki andai kita sebagai ibu bapa dan penjaga sentiasa mendampingi anak-anak, memantau setiap aktiviti dan gerak geri mereka, tahu mereka berkawan dengan siapa serta paling penting apa yang anak mereka mahukan.

Jelas masih ramai dalam kalan-gan ibu bapa lupa perkara asas dalam membina sebuah keluarga yang bahagia iaitu cinta dan kasih sayang kepada anak-anak. Percayalah pada hari ini kita terlalu sibuk dengan urusan luar termasuk dengan alasan untuk mencari rezeki namun kita lupa anak-anak bukan hanya memerlukan duit, sebaliknya mereka terlalu dahagakan kasih sayang dan perhatian yang tidak ternilai yang tidak boleh diganti dengan duit.

Ibu bapa sewajarnya menjadi rakan kepada anak supaya mereka rasa selesa dan boleh berkongsi segala berita gembira mahupun masalah berbanding dengan rakan seperti yang banyak berlaku sekarang. Justeru kita berharap ibu bapa akan mengambil iktibar dengan kes lari rumah seperti ini supaya dapat bermuhasabah diri serta membetulkan segala kelemahan dan kesilapan yang ada agar anak kita tidak menjadi mangsa seterusnya.

Di samping ibu bapa juga me-

merlukan keprihatinan dan sokongan dari pihak luar yang turut boleh membantu menangani masalah sosial seperti ini. Misalnya satu lagi pihak yang cukup rapat dengan anak-anak adalah pihak sekolah dan juga guru. Kebiasaan remaja yang ada kecenderungan untuk terbabit dalam gejala sosial seperti ini akan menunjukkan perubahan yang ketara di sekolah baik dari segi prestasi akademik mahupun dari aspek disiplin dan tingkah laku.

Justeru kita berharap pihak sekolah juga membantu dengan mengambil tindakan segera agar dapat menyelamatkan masa depan remaja bermasalah seperti ini. Melaporkan kepada ibu bapa, memberi perkhidmatan kaunseling serta memantau mereka secara rapi adalah antara langkah segera yang boleh diambil oleh pihak sekolah. Pokoknya, kita tidak mahu lambat bertindak mahupun lambat mengetahui pasti mereka yang bermasalah sehingga nasi menjadi bubur.

Pada masa sama kita berharap agar anggota masyarakat turut memainkan peranan yang sewajarnya. Selalunya, remaja yang bermasalah akan selalu ponteng sekolah dan juga keluar rumah terutamanya pada waktu malam untuk lepak bersama kawan. Dalam hal ini, sebagai jiran mahupun anggota masyarakat boleh membantu dengan melaporkan kepada ibu bapa, pihak sekolah mahupun pihak berkusa jika ada remaja yang terbabit dengan gejala yang kurang sihat di depan mata.

Bagi penulis tidak salah untuk kita menjaga tepi kain orang dalam kes seumpama ini asalkan niat dan tujuan kita betul dan ikhlas. Dalam pada itu andai ada remaja yang didapati terlanjur dan terpesong janganlah pula kita mencemuh mahupun melemparkan pelbagai caci dan tuduhan sehingga tidak memberi peluang kepada anak itu untuk pulih dan membetulkan kesilapannya. Ibu bapa juga memerlukan sokongan moral ahli masyarakat untuk memulihkan anak mereka seperti kes Nur Amira Atirah ini.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.